

# UMSKAL sertai program Hari Malaysia

WST 30.9.2013 7

LABUAN : Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof Madya Dr Ismail Ali melahirkan rasa bangga kerana UMSKAL telah menunjukkan kepentingan dan tanggungjawab untuk bersama-sama menyambut Hari Malaysia Ke-50 peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.

Beliau juga turut merakamkan tahniah kepada pengerusi penganjur dan AJK termasuk kepada semua peserta yang mewakili sekolah rendah dan pra-sekolah di Wilayah Persekutuan Labuan.

“Adalah diharapkan agar sambutan seperti ini akan diteruskan demi mendidik anak bangsa kita menghargai pengorbanan dan jasa pejuang kemerdekaan yang terdahulu,” katanya ketika berucap merasmikan Majlis Penutupan Sambutan Hari Malaysia ke-50 peringkat UMSKAL di Dewan Utama universiti itu, baru-baru ini.

Beliau berkata, Hari Malaysia diadakan demi mengingati dan men-

genang perjuangan pemimpin dan perwira terdahulu dalam menyatukan rakyat dalam Malaysia seperti yang ada pada hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalannya, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal.

Turut hadir Pengarah Jabatan Penerangan Labuan, Mohd Taib Ubah yang menyampaikan ceramah bertajuk “Nikmatnya Merdeka” dan Baharin Entoh, Pustakawan Kanan selaku Pengerusi Penganjur Hari Malaysia UMSKAL 2013.

Hadir sama ketua-ketua Kampung, guru, tokoh perwira, ibu bapa, pensyarah, kakitangan dan mahasiswa UMS-KAL.

Dr Ismail berkata adalah tidak berbaloi untuk rakyat melupakan apa yang telah berlaku 50 tahun dahulu dan sewenang-wenangnya mencalarakan palitan sejarah cemerlang dalam menyatukan rakyat yang berbilang bangsa dan agama.

Katanya, keamanan yang dicapai sekarang sebenarnya adalah atas usaha dan tanggungjawab semua

rakyat Malaysia.

Beliau berkata keamanan seperti yang dinikmati sekarang merupakan satu hadiah tidak terhingga Malaysia untuk semua.

“Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mempertahankan dan memakmurkan negara Malaysia,” katanya.

Sambutan Hari Malaysia di seluruh negara pada setiap 16 September sejak 50 tahun dahulu seharusnya meningkatkan lagi usaha agar negara kita berjaya bukan saja dalam fokus sosial malah ekonomi dan pendidikan.

Dengan adanya pendidikan yang mantap dan teguh, beliau percaya rakyat bukan sahaja mampu memakmurkan negara dari segi ekonomi dan sosial, malah dapat memakmurkan diri serta keluarga.

Oleh itu, Dr Ismail menyeru mahasiswa dan pelajar sekolah rendah agar lebih gigih dan tekun dan memastikan mampu sampai ke tahap tertinggi dalam pendidikan.

Beliau juga mahu rakyat



**TOKOH PERWIRA... Dr Geoffrey (tiga dari kanan) bersama tokoh-tokoh perwira Hari Malaysia ke-50, peringkat UMS-KAL.**

meningkatkan sikap patriotisme agar harapan untuk melihat kedaulatan negara berkekalan tidak hancur.

“Kita juga harus menanam sikap menghargai dan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin yang bijaksana dalam memastikan negara kita ini terus maju dan teguh di persada antarabangsa,” katanya.

Sempena sambutan itu, pelbagai acara diadakan seperti pertandingan mewarna kanak-kanak pra-sekolah,

deklamasi sajak sekolah rendah, pertandingan menulis esei peringkat UMSKAL, teka silang kata Malaysia dan program Jejak Perwira.

Dr Ismail berharap setiap aktiviti dianjurkan ini menjadi pemangkin kepada kerjasama dan toleransi bersama serta saling hormat-menghormati antara satu sama lain. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN jainudin@newsabah-times.com.my**